



Pemerintah di Afrika telah menembak orang-orang yang menunjukkan perasaan. Banyak orang telah mati. Semua dunia gempar terutamanya dari gereja-gereja. Perasaan perikemanusiaan meluap-luap dan kerana itu hampir semua negara di dalam dunia menganjurkan supaya Afrika Selatan diboikot. Malaya tidak ketinggalan daripada menunjukkan perasaan berperikemanusiaan itu sehingga Tengku Abdul Rahman mendapat sokongan penuh dari anggota Dewan Rakyat, sama ada dari kawan dan dari lawan. Syabas! Gempar dunia dalam perkara ini ialah kerana dunia Kristian bergerak menentang perbuatan-perbuatan yang terjadi di atas orang-orang seagama dengan mereka. Begitulah hebatnya!

\* \* \*

Tetapi di suatu tempat yang tidak jauh dari tanah air kita ini nun di seberang sana kita mendengar pertentangan-pertentangan di antara sesama sendiri – iaitu bangsa Indonesia. Di dalam pertentangan-pertentangan itu telah banyak, banyak sekali dikatakan memakan korban. Yang jadi korban orang-orang awam. Beberapa banyak kampung orang-orang yang dikatakan diperkosa dan dianiyai dengan penganiayaan yang lebih hebat daripada penganiayaan Jepun – anak isteri orang diperkosa. Semuanya kita dengar dan dunia hanya diam – sediam-diamnya. Kerana apa? Sebabnya mereka yang terkena itu bukannya orang Kristian dan tidak ada kena mengena dengan alam Kristian! Dunia bung!

\* \* \*

Di seluruh Indonesia sekarang dikuasai oleh tentera. Dalam masa Jepun sekalipun kebiasaan<sup>1</sup> orang-orang Islam beragama masih berjalan, bolehlah dikatakan baik

kerana mereka belum pernah menyekat atau mencensor (menapis) khutbah-khutbah Jumaat yang dibacakan. Sekarang di sana khutbah-khutbah yang dibaca hanya dibuat oleh Kementerian Agama sahaja. Jika ada khutbah lain yang mahu dibaca maka lebih dahulu mesti dihantarkan seminggu kepada pemerintah setempat untuk ditapis kemudian baharu dibenarkan dibaca. Begitulah sekarang Islam dijajah di Indonesia dengan suatu penjajahan dari Islam sendiri?

\* \* \*

Kalau seorang Islam kematian maka biasanya diziarahi dan biasanya pula diberi bantuan. Tetapi di dalam suatu jenazah orang Islam daripada cawangan *Jam 'iyah* di lorong tiga khabarnya lain macam. Cawangan itu sebagai memberi tanda dukacita (takziah) menghantarkan sekarangan bunga seperti orang-orang Cina menghantarkan bunga ke kubur orang-orangnya yang mati. Sungguhpun kita tidak tahu salah betulnya tetapi cara ini sangat menyolok mata! Bagaimana kata ibu pejabat *Jam 'iyah*? Adakah ini satu *bid'ah* baharu?!

\* \* \*

PETIR Singapura dalam naskhah bahasa Cinanya dikatakan telah menegur atau mengoreksi perjalanan kerajaan. Ini bagus tetapi yang sebaik-baiknya adalah koreksi itu dijalankan sebab penyakit hidup di Singapura sekarang terasa benar pahitnya. Kenapa tidak berhati-hati dahulu baharu membuat sesuatu langkah? Kan ini lebih baik daripada buat koreksi?

*Jam 'iyah*, dalam menghadapi pertikaian dengan Muhammadiyah adalah mengambil jalan yang baik sekali iaitu menyerahkan perkara itu kepada kebijaksanaan Dato' Sayyid Ibrahim al-Saqaf. Dengan cara ini sentimen terjauh dan ajaran Islam, agama itu nasihat terlaksana. Syabas *jam 'iyah*!

**-Cemeti al-Farouk**

<sup>1</sup> Kesalahan teks. Sepatutnya 'kebebasan'.